



PELAN INTEGRITI

JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2016 - 2020

BERTEKAD MENEGAKKAN KEADILAN
STEADFAST IN UPHOLDING JUSTICE

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan Peguam Negara Malaysia	4
Visi, Misi dan Objektif Jabatan Peguam Negara	5
Tujuan	6
Latar Belakang	7 - 9
Pengukuhan Integriti Sektor Awam	10 - 11
Agenda Integriti Jabatan Peguam Negara	12 - 17
Pendekatan Strategi	18 - 21
Penutup	22
Pelan Tindakan Integriti Jabatan Peguam Negara - Lampiran A	
• Objektif Strategik 1 : Membangunkan modal insan berintegriti	24 - 25
• Objektif Strategik 2 : Memantapkan budaya integriti	26
• Objektif Strategik 3 : Memperkasakan tadbir urus dan sistem kawalan dalaman	27 - 28
• Objektif Strategik 4 : Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan	29 - 30



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam 1 Malaysia, salam sejahtera dan salam sehati seja.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya dapat kita menghasilkan Pelan Integriti Jabatan Peguam Negara (AGC) 2016-2020.

Pelan Integriti AGC bertujuan untuk membudayakan dan memperkukuh integriti dalam kalangan warga kerja Jabatan melalui prinsip-prinsip menanam nilai-nilai murni, etika dan tadbir urus terbaik. Pelan Integriti AGC ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi untuk menjadikan warga kerja yang berintegriti selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan rakyat. Selain itu, Pelan Integriti AGC ini juga adalah sejajar dengan slogan Jabatan, iaitu Bertekad Menegakkan Keadilan.

Proses pembudayaan integriti dalam kalangan warga kerja di sesebuah jabatan hendaklah diberikan keutamaan dan menjadi agenda yang berterusan dan menyeluruh. Melalui pendekatan yang dirancang dalam Pelan Integriti ini, tahap kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap integriti akan dimantapkan, yang akhirnya setiap warga kerja Jabatan ini akan mempunyai rasa tanggungjawab dan mengamalkan prinsip-prinsip integriti dalam segenap aspek kehidupan.

Sehubungan dengan itu, saya berharap agar warga Jabatan ini terus memacukan gerakan yang dinamik dengan meletakkan agenda pementapan integriti sebagai satu keutamaan bagi memperkasakan perkhidmatan awam pada masa akan datang.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak untuk menyediakan Pelan Integriti ini. Semoga apa jua yang kita usahakan pada hari ini akan membuahkan hasil yang baik pada masa hadapan.

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan” Ayat 135 Surah An-Nisaa’

“BERTEKAD MENEGAKKAN KEADILAN”

Sekian, terima kasih.

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi bin Haji Ali
Peguam Negara Malaysia

VISI

Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia

MISI

Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cepak, Adil dan Saksama serta Pendakwaan yang Bebas

OBJEKTIF

Memberi Perkhidmatan Perundangan Yang Berkualiti dan Akan Sentiasa Bertindak Mengikut Perlembagaan dan Undang-Undang Dengan Cepak, Adil dan Saksama

TUJUAN

Pelan Integriti Jabatan Peguam Negara (AGC) ini dibangunkan untuk menjadikan AGC sebagai sebuah organisasi awam yang terunggul dalam aspek pengamalan dan pembudayaan nilai-nilai murni dan integriti, khususnya dalam aktiviti perundangan sektor awam. Bagi mencapai tujuan tersebut, Pelan Integriti ini menggariskan strategi dan program ke arah menyemarakkan pembudayaan akhlak, etika dan integriti dalam semua aspek pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) dan pelanggan. Pelan ini juga bertujuan untuk membentuk keperibadian yang unggul dalam kalangan warga AGC serta memupuk sikap tanggungjawab bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang selaras dengan visi dan misi AGC.

LATAR BELAKANG

Globalisasi tidak hanya membawa kesan-kesan ekonomi dan perdagangan tetapi turut meninggalkan impak dari segi sosiobudaya. Arus globalisasi turut menjadikan sektor awam terdedah kepada cabaran persaingan global, khususnya dari segi keperluan meningkatkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang telus dan berintegriti. Fenomena dunia tanpa sempadan serta pergerakan bebas maklumat yang dipacu oleh kemajuan dan kepesatan hebat teknologi maklumat dan komunikasi turut memberikan kesan sampingan dari segi moral dan etika. Sifat-sifat terpuji dan nilai moral dalam kalangan warga sektor awam hendaklah sentiasa dipupuk supaya kualiti kerja, produktiviti individu dan sistem penyampaian organisasi sentiasa pada tahap yang tinggi.

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April 2004 merupakan antara langkah penting yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan integriti dan pembudayaan nilai murni dalam kalangan semua lapisan rakyat dan institusi. PIN dirangka bagi merealisasikan cabaran ke-4 Wawasan 2020, iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”. PIN menyediakan pelan tindakan secara bersepadu dan menyeluruh untuk mempertingkatkan integriti nasional.

Agenda integriti untuk sektor awam dalam PIN bertujuan untuk mencapai dua (2) objektif yang berikut:

01

Pemantapan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus terbaik

02

Peningkatan integriti jentera pentadbiran awam

Rajah 1: Agenda Integriti Sektor Awam

Pencapaian objektif di atas adalah melalui pelaksanaan strategi berikut:



Rajah 2: Pelaksanaan Strategi

Laporan Fasa Pertama pelaksanaan PIN, iaitu dari tahun 2004 hingga 2008 yang dikenali sebagai Tekad 2008 telah dibentangkan kepada Timbalan Perdana Menteri pada 17 Mac 2009. Seterusnya, Laporan Fasa Kedua pelaksanaan PIN dari tahun 2009 hingga 2013 yang dikenali sebagai Tekad Integriti telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada April 2014. Lima sasaran utama yang ditetapkan dalam Tekad Integriti ialah -

- memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara menyeluruh dan berkesan;
- meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;
- meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat;
- memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan
- meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Kedua-dua laporan berkenaan telah mendapat maklum balas dan indikasi positif daripada masyarakat, dan menunjukkan bahawa PIN telah berada pada landasan yang jelas dan tepat. Ini dibuktikan melalui peningkatan skor Indeks Persepsi Integriti National (IPIN) kepada 6.8 pada tahun 2013 berbanding dengan 6.5 pada tahun 2009.

Tahap kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur oleh indikator ekonomi dan kemampuan berdaya saing, tetapi turut dinilai dari aspek integriti dan moral yang dimiliki oleh institusi-institusinya. Hal ini disebabkan oleh semua faktor tersebut saling berkaitan dan menyokong antara satu sama lain. Perkhidmatan awam yang telus, profesional dan berintegriti adalah antara kriteria utama yang diambil kira oleh pelabur dalam pemilihan destinasi pelaburan. Sebagai institusi yang bertanggungjawab terhadap rakyat, pihak berkepentingan serta pelanggan keseluruhannya, imej dan integriti sektor awam perlu sentiasa dipertingkatkan.

Kerajaan sedar bahawa kejayaan untuk meningkatkan daya saing negara banyak bergantung pada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan melalui komitmen agensi-agensi Kerajaan. Cabaran utama sektor awam pada masa kini adalah untuk meningkatkan keyakinan rakyat serta pelabur terhadap keupayaannya sebagai jentera utama untuk menterjemahkan dasar dan strategi Kerajaan untuk menghasilkan dan impak yang signifikan. Usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan perlu diiringi dengan pemantapan integriti dan usaha memerangi jenayah rasuah dalam sektor awam.

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI) menyenaraikan negara-negara berdasarkan persepsi tahap kerosakan sektor awam mereka. Skor sesebuah negara menunjukkan tahap persepsi rasuah sektor awam pada skala 0 (sangat korup) hingga 100 (sangat bersih). Skor Malaysia pada tahun 2015 menurun daripada 52 kepada 50 daripada skor maksimum 100. Selanjutnya, CPI Malaysia pada tahun 2015 adalah pada kedudukan 54 berbanding pada tahun 2014, iaitu pada kedudukan 50. Ini menunjukkan kedudukan Malaysia berdasarkan skor dan CPI semakin merosot.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan menjadikan usaha memerangi dan membanteras gejala rasuah sebagai salah satu daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ini menunjukkan keazaman yang tinggi oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk membanteras gejala rasuah dan seterusnya meningkatkan persepsi positif rakyat dan para pelabur terhadap pentadbiran negara.

Selain itu, agenda pengukuhan nilai dalam sektor awam terus diberikan penegasan oleh Kerajaan apabila YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak memperkenalkan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Nilai integriti ialah satu daripada lapan (8) nilai yang perlu disuburkan pada setiap lapisan masyarakat dalam usaha untuk mewujudkan ekosistem pentadbiran Kerajaan yang menyokong pencapaian aspirasi negara.

Bagi memantapkan kesungguhan Kerajaan dalam meningkatkan integriti sektor awam, YAB Perdana Menteri melalui Arahan No. 1 Tahun 2014 telah mengarahkan penubuhan Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU). Arahan ini menetapkan JITU ditubuhkan di semua agensi peringkat Persekutuan dan Negeri serta dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. JITU Peringkat Kebangsaan ini melapor terus kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

“Integrity is doing the right thing, even if nobody is watching”

[W. Clement Stone]

Sektor awam kini berhadapan dengan rakyat daripada generasi yang mempunyai pemikiran dan idealisme baharu. Mereka juga mempunyai harapan yang berbeza terhadap perkhidmatan yang disampaikan. Tuntutan rakyat dan pelanggan supaya perkhidmatan awam menjadi lebih telus dan fleksibel, menuntut sektor awam untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang. Sektor awam perlu membudayakan tadbir urus yang baik yang berasaskan ketelusan, integriti dan keperibadian yang unggul tanpa tolak ansur kepada rasuah dan penyelewengan.

Dalam hal ini, AGC sebagai sebuah organisasi perundangan utama negara perlu mempamerkan tahap integriti yang tinggi melalui penggubalan strategi serta pelaksanaan program-program pembudayaan integriti yang berkesan. Keberkesanan program-program pembudayaan integriti tersebut diukur melalui penyampaian perkhidmatan yang baik dan perilaku pegawai yang memberikan perkhidmatan tersebut.

Agenda Integriti AGC adalah untuk melahirkan warga AGC yang mempunyai sahsiah terpuji, profesionalisme dan kepimpinan yang unggul.

SAHSIAH TERPUJI

Dalam aspek sahsiah, program-program yang sesuai akan dilaksanakan bagi memastikan warga AGC mempunyai sahsiah yang terpuji dan bertekad untuk bekerja dengan cekap, adil dan ikhlas. Warga AGC haruslah yakin dan percaya bahawa setiap perbuatan yang baik pasti akan dibalas dengan kebaikan dan setiap perbuatan buruk pasti berakhir dengan kesudahan yang merugikan. Dalam konteks integriti, warga AGC hendaklah mengutamakan pembangunan dan peningkatan modal insan dalam diri masing-masing. Warga AGC juga hendaklah berpegang teguh pada ajaran agama.

PROFESIONALISME

Dalam aspek profesionalisme pula, warga AGC perlu memastikan tugas dilaksanakan secara telus, adil dan saksama berlandaskan etika kerja dan peraturan yang ditetapkan. Warga AGC hendaklah sentiasa mematuhi peraturan, arahan dalaman dan dasar yang ditetapkan, mengutamakan kepentingan perkhidmatan perundangan dan organisasi bagi menjamin imej perkhidmatan perundangan AGC yang cemerlang.

KEPIMPINAN YANG UNGGUL

Pemimpin merupakan penggerak dan peneraju perubahan dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks kepimpinan, peranan pemimpin adalah amat penting untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong pembentukan nilai-nilai murni untuk membolehkan setiap warga AGC melaksanakan tugas berlandaskan prinsip-prinsip integriti seperti ketelusan, keadilan, akauntabiliti dan sentiasa berhemah ketika menjalankan tugas. Selain itu, Pengurusan Tertinggi AGC bertanggungjawab untuk menyediakan dasar, tatacara dan peraturan yang jelas serta telus bagi menutup ruang untuk sebarang penyelewengan dan salah laku.

Bagi menjayakan Agenda Integriti AGC, pelaksanaan integriti AGC dibuat berasaskan empat (4) objektif strategik, seperti yang berikut:



Rajah 3 : Objektif Strategik

OBJEKTIF STRATEGIK 1

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERINTEGRITI

Modal insan merupakan tenaga penggerak untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang. Pengurusan Modal Insan perlu dibangunkan dari segi pemikiran yang inovatif dan kreatif di samping memiliki nilai dan etika kerja yang murni. Objektif strategik ini dicapai melalui pelaksanaan strategi yang berikut:

- memperkasakan program pembangunan sumber manusia;
- meningkatkan program pengiktirafan dan penghargaan;
- meningkatkan pengetahuan dan kreativiti sumber manusia; dan
- mengukuhkan hubungan dalam kalangan warga AGC.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Jasamu Dikenang 2016



Majlis Khatam Al-Quran

OBJEKTIF STRATEGIK 2

MEMANTAPKAN BUDAYA INTEGRITI

Kecemerlangan AGC berteraskan pengamalan nilai-nilai integriti melalui program penghayatan dan pemahaman nilai-nilai berintegriti. Objektif strategik ini dapat dicapai melalui strategi seperti yang berikut:

- meningkatkan kesedaran nilai-nilai murni; dan
- meningkatkan kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni.



Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk Integriti Dalam Pekerjaan Menurut Pandangan Islam



Ceramah Agama Anjuran Kelab AGC

OBJEKTIF STRATEGIK 3

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Tadbir urus ialah sistem yang telus, bertanggungjawab, adil, mempunyai *check and balance*, peka serta mengambil kira keperluan dan kehendak awam. Ia berasaskan empat (4) prinsip utama, iaitu integriti, akauntabiliti, pengawasan dan ketelusan.

Ia diperkenalkan dengan matlamat ke arah menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan sektor awam dalam pelaksanaan dasar yang telah dimandatkan di samping mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian. Antara ciri-ciri tadbir urus terbaik ialah keterlibatan, penguatkuasaan undang-undang, ketelusan, muzakarah, kesaksamaan dan penglibatan, kecekapan dan keberkesanan serta kepekaan terhadap tanggungjawab.

Memperkasakan sistem kawalan dalaman dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada warga AGC mengenai arahan dan peraturan yang terpakai antaranya dengan mengeluarkan arahan-arahan dari semasa ke semasa melalui Arahan Peguam Negara, Arahan Pendakwa Raya dan sebagainya. Objektif strategik ini dicapai melalui strategi yang berikut:

- memantapkan mekanisme tadbir urus;
- membangunkan pelan Pengurusan Risiko Rasuah;
- meningkatkan tahap disiplin; dan
- meningkatkan prestasi pegawai berprestasi rendah.



Mesyuarat Pengurusan Tertinggi AGC

OBJEKTIF STRATEGIK 4

MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, cepat, berintegriti dan mesra pelanggan hendaklah diberi keutamaan selaras dengan prinsip Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Semua warga AGC perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, sistem dan tatacara kerja hendaklah sentiasa dikemas kini, cekap dan efisien bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran tatakelakuan. Objektif strategik ini boleh dicapai melalui pelaksanaan strategi yang berikut:

- memantapkan Sistem Pengurusan Pejabat;
- mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif; dan
- memperluas penggunaan ICT dalam melaksanakan tugas.

Program dan aktiviti bagi mencapai Objektif-Objektif Strategik ini adalah seperti dalam **Lampiran A** Pelan Tindakan Integriti Jabatan Peguam Negara.



Perasmian Pelancaran Slogan AGC – Bertekad Menegakkan Keadilan

PENDEKATAN STRATEGI

Mekanisme bagi mencapai matlamat Pelan Integriti dirangka berasaskan sejauh mana faktor yang menjejaskan dan melemahkan tahap integriti dapat diatasi atau ditangani. Faktor-faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada kemerosotan integriti ialah kelemahan individu, sistem dan tatacara, struktur dan institusi, budaya dan kepimpinan.

Oleh itu, faktor penentu kejayaan ialah kepimpinan berteladan, pendidikan berterusan, komunikasi berkesan, persekitaran budaya yang kondusif, kerangka perundangan yang berkesan, kecukupan dan kecekapan sumber manusia dan kesediaan individu untuk berubah. Bagi menjadikan integriti sebagai satu komitmen peribadi, warga AGC perlulah memantapkan integriti melalui pendekatan yang berikut:

PENGHAYATAN

- memberikan kefahaman dan penghayatan mengenai Visi dan Misi AGC;
- menimbulkan kesedaran dan keinsafan tentang perlunya integriti pada peringkat individu dan organisasi; dan
- membudayakan integriti supaya menjadi gaya hidup warga AGC seperti yang digariskan dalam Kod Etika AGC.

PENGUKUHAN

- meningkatkan dan memperluas penghayatan dan pengamalan integriti sebagai budaya warga AGC;
- memantapkan mekanisme ketelusan supaya pelanggan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh AGC;
- menjadikan pemimpin dan penyelia pada semua peringkat sebagai contoh ikutan (*role model*) kepada kumpulan yang dipimpin atau diselia;
- mewujudkan penanda aras dan indikator atau Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) bagi setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan;
- mempelbagaikan dan meningkatkan program kreativiti, inovasi dan kualiti pada semua peringkat;

PENDEKATAN STRATEGI

- menyediakan suasana kerja yang berkualiti dan kondusif dengan keperluan fizikal yang sesuai;
- mengaplikasikan konsep pengurusan dan proses pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*);
- melaksanakan program-program motivasi, jati diri dan kaunseling (rakan pembimbing) dengan berkesan; dan
- melaksanakan program pementoran bagi membentuk kepimpinan yang hebat dan dihormati kerana keperibadian yang tinggi.

PENCEGAHAN

- mengenal pasti dan memperbaiki kelemahan dalam sistem dan tatacara kerja serta peraturan sedia ada untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan menutup ruang serta peluang terhadap perkara-perkara yang menjejaskan integriti;
- mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasi/membasmi unsur-unsur atau petunjuk yang boleh mengakibatkan kemerosotan integriti;
- memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas dan fungsi Jabatan melalui perekaayaan tadbir urus dan mekanisme kawalan dalaman;
- memperkemas sistem maklum balas dan aduan dalaman bagi membolehkan aduan mengenai salah laku dilaporkan kepada pihak berwajib di AGC;
- melaksanakan program audit dalaman bagi memastikan pematuhan ke atas peraturan dan mengenal pasti ruang-ruang penambahbaikan; dan
- memantau tempoh penempatan warga AGC di sesuatu tempat dan membuat pertukaran dalam tempoh yang munasabah.

KOMUNIKASI

- menggunakan pelbagai saluran komunikasi sebagai medium utama untuk mempromosikan pembudayaan nilai-nilai murni;
- mendorong dan memberikan inspirasi kepada warga AGC untuk mempertingkatkan integriti diri berdasarkan kisah-kisah mengenai tokoh-tokoh hebat dan tersohor;

PENDEKATAN STRATEGI

- memastikan kandungan hebahan sentiasa tepat, terkini, bermaklumat serta memberikan impak ke arah menyemarakkan penghayatan nilai-nilai murni pada semua peringkat dan lapisan; dan
- memberikan penjelasan yang berkesan yang boleh meningkatkan keinsafan akibat tindakan tidak berintegriti yang dilakukan.

PENGIKTIRAFAN

- melaksanakan sistem penilaian yang lebih berkesan, adil dan saksama bagi tujuan penghargaan atau penganugerahan kepada warga AGC; dan
- memastikan nilai dan moral yang unggul terus kekal dalam diri warga AGC sebagai inspirasi kepada warga AGC yang lain.

PENGUATKUASAAN

- menjalankan pemantauan berkala ke atas warga AGC, khususnya yang bertugas di Negeri, Kementerian dan Jabatan berkaitan pelaksanaan tugas;
- memastikan pelanggaran peraturan atau undang-undang diambil tindakan secara tegas, adil dan saksama tanpa unsur pilih kasih;
- melaksanakan sistem pengurusan tatatertib Jabatan dengan pantas dan berkesan mengikut proses dan tatacara yang ditetapkan; dan
- memastikan tindakan punitif (menghukum) dilaksanakan berasaskan konsep keadilan dan pengajaran.

PEMULIHAN

- melaksanakan program pemulihan yang berkesan terhadap warga AGC yang melanggar disiplin, tatatertib atau yang berprestasi rendah melalui program kaunseling dan motivasi; dan
- memberikan ruang kepada warga AGC untuk memperbaiki kelemahan diri melalui kursus dan pusingan kerja.

PENDEKATAN STRATEGI



Perhimpunan Bulanan AGC



Program AGC 2Youth 2016

Pelan Integriti AGC menyediakan objektif strategik dan strategi bagi pelaksanaan program untuk meningkatkan integriti dalam kalangan warga AGC. Program ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan pihak berkepentingan serta pelanggan. Pendekatan strategik dalam Pelan Integriti ini diharapkan dapat mewujudkan tadbir urus yang mantap, kukuh dan berintegriti agar AGC dapat memberikan perkhidmatan perundangan yang berkualiti selaras dengan visi, misi dan objektif AGC.



Jawatankuasa Khas Integriti AGC

“TO GIVE
**REAL
SERVICE**
YOU MUST ADD SOMETHING
WHICH CANNOT BE
BOUGHT OR MEASURED
WITH MONEY, AND THAT IS
**SINCERITY
& INTEGRITY**”
~DOUGLAS ADAMS

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERINTEGRITI						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
1	Memperkasa Program Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Kerjaya dan Pembangunan Kepimpinan	Melaksanakan <i>Training Needs Analysis</i> (TNA)	Laporan TNA	1 laporan setahun	Unit Integriti	2017 - 2020
		Melaksanakan Pelan Operasi Latihan	Mesyuarat Pelan Operasi Latihan	1 kali setahun	Bahagian Pengurusan / Unit Integriti	2016 - 2020
		Melaksanakan Pusingan Kerja	Jawatankuasa Pusingan Kerja	4 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2017 - 2020
		Melaksanakan Program Pementoran	Program Pementoran	1 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Melaksanakan Pelan Penggantian AGC	Mesyuarat Search Committee	4 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2017 - 2020
		Melaksanakan Program Rakan Pembimbing di Ibu Pejabat AGC dan PUU Negeri	Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB AGC Sesi bimbingan	1 kali setahun Mengikut kes dirujuk	Jawatankuasa AKRAB AGC / Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		2	Meningkatkan Program Pengiktirafan dan Penghargaan	Memperakui warga AGC bagi Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat	Perakuan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat	14 Senarai perakuan (Persekutuan dan 13 negeri)
Melaksanakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia			1 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
Anugerah Pekerja Contoh	Kekerapan Anugerah			4 kali setahun	Semua Bahagian dan negeri	2016 - 2020

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERINTEGRITI						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
3	Meningkatkan Pengetahuan dan Kreativiti Sumber Manusia	Mewujudkan Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Bagi Setiap Bahagian	Penubuhan Kumpulan	1 Kumpulan bagi Setiap Bahagian	Semua Bahagian	2016 - 2020
		Melaksanakan Naziran terhadap pelaksanaan tugas	Bilangan naziran dan mesyuarat	4 kali setahun	Semua Bahagian	2016 - 2020
		Program Al-Khindi 2U	Kekerapan Program	6 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Sistem A-PEL	Peratus Penglibatan (<i>Summary Audit Trail</i>)	100% warga AGC	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Program Perkongsian Ilmu	Kekerapan Program	6 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Sesi Latihan Pangkalan Data Undang-Undang	Kekerapan Program	6 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
4	Mengukuhkan Hubungan dalam Kalangan Warga AGC	Meningkatkan Peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Mesyuarat MBJ	4 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Menjalankan Kajian Kepuasan Pekerja	Melaksanakan Kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)	1 kajian setahun	Unit Integriti	2016 - 2020
		Sesi Perjumpaan Pengurusan Tertinggi dengan warga AGC	Perhimpunan Bulanan AGC	4 kali setahun	Bahagian (secara giliran)	2016 - 2020
			Mesyuarat Pengurusan Bahagian	12 kali setahun	Bahagian	2016 - 2020
Mengadakan Hari Keluarga	Program Hari Keluarga	2 tahun sekali	Kelab Kebajikan & Rekreasi AGC	2016 - 2020		
Menganjurkan Aktiviti Sukan	Pertandingan Sukan	sekali setahun	Kelab Kebajikan & Rekreasi AGC	2016 - 2020		

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : MEMANTAPKAN BUDAYA INTEGRITI						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
1	Meningkatkan Kesedaran Nilai-Nilai Murni	Mengadakan Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni	Ceramah	4 kali setahun	Unit Integriti / Kelab Kebajikan & Rekreasi AGC	2016 - 2020
		Hebahan Berita-Berita Integriti	E-mel	Berterusan	Unit Integriti	2017 - 2020
2	Meningkatkan Kefahaman Dan Pengamalan Nilai-Nilai Murni	Melaksanakan Aktiviti Pemantapan Nilai-Nilai Murni	Program Ceramah Agama, Solat Berjemaah, Tahlil, Bacaan Yasin	Berterusan	Unit Integriti / Kelab Kebajikan & Rekreasi AGC	2016 - 2020
		Kempen Nilai-Nilai Murni (Contoh: Senyum, Ucapan Terima Kasih, Ucapan Selamat)	Kempen melalui portal	Berterusan	Unit Integriti / Unit Komunikasi Strategik	2016 - 2020

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : MEMPERKASAKAN TADBIR URUS & SISTEM KAWALAN DALAMAN						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
1	Memperkasakan Tadbir Urus	Melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015	Pensijilan MS ISO 9001:2015 (Semua Bahagian kecuali Bahagian Pengurusan dan Bahagian Penyelidikan)	Pensijilan MS ISO 9001:2015	Bahagian Terlibat	2016 - 2020
		Melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO /IEC27001)	Persijilan ISMS ISO / IEC27001	1 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Pemantauan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Fail	Pemantauan pengurusan fail AGC	2 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2017 - 2020
		Pemantauan Pelaksanaan Keputusan-keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi	Analisis status tindakan keputusan mesyuarat	1 kali sebulan	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Pengurusan Senarai Semak Perkhidmatan Teras AGC (Arahan Peguam Negara Bil. 4/2015)	Pematuhan terhadap Senarai Semak	100% pematuhan	Semua Bahagian	2016 - 2020
		Pemantauan pematuhan pengurusan kewangan dan peraturan berkuat kuasa	Pelaksanaan Audit Pematuhan	12 kali setahun	Unit Audit Dalam	2016 - 2020
		Mengukur prestasi budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan awam	Menyelaraskan maklumat untuk tujuan inspektorat	5 bintang Sistem Star Rating MAMPU	Bahagian Pengurusan	2017 - 2020
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	Mengadakan Mesyuarat JPKA	4 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020		

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : MEMPERKASAKAN TADBIR URUS & SISTEM KAWALAN DALAMAN						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
		Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah (JAA)	Mengadakan Mesyuarat JAA	2 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	Mesyuarat JITU	3 kali setahun	Unit Integriti	2016 - 2020
		Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Outcome Based Budgeting (MOIC)	Mesyuarat MOIC	4 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)	Mesyuarat JKPAK	4 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)	Mesyuarat JKA	4 kali setahun	Unit Audit Dalam	2016 - 2020
2	Pelan Pengurusan Risiko Rasuah	Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah	Mengadakan bengkel	Pelan Pengurusan Risiko Rasuah	Unit Integriti	2017 - 2020
3	Meningkatkan Tahap Disiplin Pegawai Yang Mempunyai Masalah Integriti	Memantau Penyelesaian Kes-kes Tatatertib Dalam Tempoh yang Ditetapkan	Laporan Tatatertib	2 kali setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Mengambil Tindakan Tatatertib	Mesyuarat Lembaga Tatatertib	2 kali setahun	Unit Integriti	2016 - 2020
		Memantau Pelaksanaan Pengisytiharan Harta	Laporan Pengisytiharan Harta	100% Isytiharkan Harta	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Pemantauan Kad Perakam Waktu Bahagian-Bahagian AGC	Laporan Kad Perakam Waktu	1 kali sebulan	Semua Bahagian	2016 - 2020
4	Meningkatkan Prestasi Pegawai Berprestasi Rendah	Memberikan Khidmat Bimbingan Kaunseling	Sesi Kaunseling	Bilangan pegawai	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020

OBJEKTIF STRATEGIK 4 : MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
1	Memperluas Penggunaan ICT	Penggunaan E-mel	Liputan Penggunaan	100%	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Penggunaan Sistem Chambers Virtual Office (CVO)	Liputan Penggunaan	80%	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Sistem ILMS dan Crest	Liputan Penggunaan	100%	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Sistem ICT Gunasama	HRMIS, eP, eSPKB, SPA, eTerimaan	100%	Semua Bahagian	2016 - 2020
2	Memantapkan Sistem Pengurusan Pelanggan	Sistem Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan	Tempoh Masa Penyelesaian	Dalam Tempoh 7 Har	Unit Komunikasi Strategik / Unit Integriti	2016 - 2020
		Sistem /Peti Cadangan	Tempoh Masa Respon	Dalam Tempoh 1 Hari	Unit Komunikasi Strategik	2016 - 2020
		Melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan Setiap Tahun	Pelaksanaan Kajian	Satu kajian setahun	Unit Komunikasi Strategik	2016 - 2020
		Memantau dan Mengemakini Piagam Pelanggan Mengikut Keperluan	Pelaksanaan Semakan	2 kali setahun	Unit Komunikasi Strategik	2016 - 2020
		Pemantauan Penilaian Kepuasan Pelanggan Melalui Sistem e-Rating	Pelaksanaan Penilaian Pelanggan AGC	4 laporan setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JABATAN PEGUAM NEGARA - LAMPIRAN A

OBJEKTIF STRATEGIK 4 : MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN						
BIL	INDIKATOR	STRATEGI / PROGRAM	AKTIVITI / TINDAKAN	SASARAN PELAKSANAAN	PELAKSANAAN / PENYELARAS	TEMPOH PELAKSANAAN
3	Memantapkan Pengurusan Pejabat	Melaksanakan <i>Mystery Shopping</i>	Penilaian Terhadap Tatacara Pegawai Khidmat Pelanggan AGC Menjawab Panggilan Telefon	2 laporan setahun	Bahagian Pengurusan	2016 - 2020
		Melaksanakan Langkah-langkah Mengurangkan Pembaziran Sumber Tenaga AGC	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tenaga AGC	1 kali sebulan	Jawatankuasa Pengurusan Tenaga AGC	2016 - 2020
4	Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif	Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Penilaian EKSA	2 kali setahun	Jawatankuasa Induk EKSA	2017 - 2020



www.agc.gov.my

JABATAN PEGUAM NEGARA
No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA